

Pasar nelayan elak orang tengah

**Bantu nelayan
jual hasil terus
kepada
pelanggan**

KOTA BHARU

inisiatif Lembaga Kembangjuan Ikan Malaysia (LKIM) mewujudkan Pasar Nelayan Pulau Gajah dekat Pengkalan Chepa di sini, berjaya membantu nelayan tradisional dari kawasan terbabit, menjual hasil tangkapan terus kepada pelanggan tanpa melalui orang tengah.

Pengarah LKIM Kelantan, Zarina Abdul Latiff berkata, seramai 12 keluarga nelayan yang terpilih memulakan perniagaan di pasar tersebut mampu memperoleh pendapatan

sekitar RM1,000 sehari, walaupun hanya mula dibuka pukul 2 petang.

Beliau berkata, pada mulanya pihaknya hanya memilih enam keluarga nelayan menjalankan perniagaan, namun menambahnya kepada 12 keluarga selepas saringan dijalankan di pasar yang dibina dengan kos RM150,000 itu.

"Matlamat kita adalah bagi membantu golongan nelayan, memasarkan terus hasil tangkapan segar mereka kepada pembeli.

"Sekiranya sambutan di sini memuaskan, kita bercadang menambahkan lagi kepelbagaiannya di pasar ini, di mana nelayan boleh memasarkan pelbagai produk berasaskan hasil perikanan seperti keropok dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di pasar itu.



Zarina (kiri) bersama Rosdi dan Mohammad Asri melihat hasil tangkapan yang baharu dinaikkan nelayan untuk dijual di Pasar Nelayan Pulau Gajah, Sabak, semalam.

semalam.

Zarina berkata, Pasar Nelayan Pulau Gajah adalah pasar kelima yang ditu-

bukan melalui Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) selepas di Bachok, Semerak (Pasir Puteh), Kuala Besar

(Kota Bharu) dan Tumpat. Beliau berkata, selain memasarkan hasil tangkapan nelayan, Pasar Nelayan

Pulau Gajah turut mempunyai tarikan tersendiri apabila bot Kelas A yang digunakan nelayan keluar menangkap ikan masih mengelarkan ciri-ciri tradisional seperti ukiran.

"Malah ia merupakan satu-satunya bot nelayan yang mempunyai ukiran dan lukisan di negara ini. Terdapat 92 buah bot nelayan tradisional yang pulang hari iaitu keluar ke laut pada waktu subuh dan pulang semula pada pukul 2 petang.

"Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan, dalam sehari nelayan mampu menjual antara tiga hingga empat tan hasil tangkapan. Kita juga dapatkan pembeli sanggup datang ke sini bagi mendapatkan ikan segar dengan harga yang berpatutan," katanya. - Bernama